



**PENGURUSAN MAKLUMAT
BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL**



**JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS
MALAYSIA**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN ALAM SEKITAR**

PENGENALAN

Cawangan Pengurusan Maklumat ialah salah satu cawangan yang terdapat di Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Mineral dan Geosains, Ipoh Perak

Cawangan ini terbahagi kepada 3 unit utama:

- ☞ Pengurusan Data
- ☞ Kartografi
- ☞ Dokumentasi dan Perpustakaan

OBJEKTIF

- ☞ Mengumpul, memproses, menganalisa, menyimpan dan mengurus data serta maklumat sebagai pusat pangkalan data jabatan
- ☞ Memberikan perkhidmatan berkualiti dalam bidang kartografi secara manual dan digital
- ☞ Menjadikan perpustakaan pusat pengumpulan maklumat dan pusat rujukan mengenai kajian-kajian yang dijalankan oleh jabatan

FUNGSI

- ☞ Menyelaras dan menyelenggara semua kerja pengkomputeran
- ☞ Melukis pelan, gambarajah dan peta-peta untuk penerbitan dan laporan jabatan
- ☞ Mengumpul dan menyimpan peta topografi dan geologi
- ☞ Mengumpul dan menyimpan maklumat laporan carigali dan laporan ekonomi (arkib) untuk rujukan dan menjual salinan kepada pelanggan
- ☞ Menyediakan perkhidmatan pinjaman, rujukan dan penjualan bahan penerbitan (perpustakaan)

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

- ☞ Penjualan salinan laporan teknikal yang diterbitkan oleh jabatan (Unit Perpustakaan).
Harga jualan antara RM 50 hingga RM 500
- ☞ Penjualan salinan laporan keputusan carigali dan laporan mineral ekonomi (Unit Kartografi)
Harga adalah mengikut jualan harga dalam Warta Kerajaan (Akta Fee 1951)
- ☞ Penjualan peta geologi dan mineral (Unit Kartografi)
Harga adalah mengikut jualan harga dalam Warta Kerajaan (Akta Fee 1951)

CARTA ORGANISAS



PERHUBUNGAN

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Teknikal
Peti Surat 1015
30820 Ipoh Perak

Tel: 05-5406000
Fax: 05-5406100
E-mail: jmgbpt@jmgipoh.gov.my

PENGURUSAN DATA

Unit Pengurusan Data bertanggungjawab ke atas segala aspek pengkomputeran Bahagian Perkhidmatan Teknikal (BPT) termasuk pembangunan, penyelenggaraan sistem maklumat serta pengurusan data. Unit Pengurusan Data BPT juga bertindak sebagai unit mengenai ICT dari masa ke semasa.

Penggunaan optimum data bergantung kepada kemampuan untuk mendapat dan mengintegrasikan data dari pelbagai jenis dan sumber yang berlainan. Sumber data perlu mudah dikenalpasti bagi memudahkan pengguna memperoleh data yang relevan dengan keperluan mereka. Untuk ini, unit ini adalah bertanggungjawab ke atas Pentadbiran Pusat Pangkalan Data JMG dari segi keselamatan data, perkhidmatan kepada pengguna pangkalan data, pengaksesan data, pengurusan ruang, pelaksanaan dan penyelenggaraan pangkalan data. Penyelenggaraan Perisian pangkalan data Oracle dan GIS (ArcInfo dan ERDAS) dibuat dari masa ke semasa bagi menjamin kebolehupayaannya. Antara pangkalan data yang telah diwujudkan adalah HIDROdat dan IMPdat menggunakan server WEB. Selain itu, unit ini terlibat dalam pentadbiran dan penyelenggaraan pelayan-pelayan komputer dimana pangkalan data ditempatkan dan sumber-sumber yang ada bersamanya.

Sebuah rangkaian komputer (LAN) telah dibangunkan. Capaian ke Internet adalah menggunakan talian 'leased-line' 256 kbs melalui "proxy server". "Mail server" juga telah dibangunkan untuk menyediakan kemudahan email kepada 180 pengguna dalaman di kompleks JMG Ipoh.



KARTOGRAFI

Unit kartografi memberikan perkhidmatan sokongan dalam menyediakan peta-peta dan rajah-rajah secara manual dan digital. Peta-peta yang disediakan termasuklah peta geologi, sumber mineral, tematik dan utiliti untuk tujuan perancangan, pengurusan sumber asli, pemuliharaan alam sekitar, pembangunan, pemantauan dan keselamatan.

Terdapat satu sub unit-arkib yang menyimpan keputusan carigali, laporan geologi ekonomi, peta topo dan lithologi. Maklumat dari unit boleh dipinjam untuk rujukan dan salinan fotostat maklumat boleh dibeli oleh pelanggan luar pada kadar harga yang telah ditetapkan.

Unit ini juga menyediakan khidmat fotostat, cetakan offset, cyclostyle, salinan ammonia dan penjilidan untuk BPT.



DOKUMENTASI & PERPUSTAKAAN

dan geosains. Bahan bacaan terdiri daripada buku rujukan, buletin, majalah laporan penyelidikan jabatan dengan perpustakaan berperanan penting sebagai teras khazanah ilmu dalam memupuk budaya membaca di kalangan kakitangan dan pengguna luar. Justeru itu jabatan bertindak untuk menyelaras pembangunan prasarana perkhidmatan dokumentasi dan perpustakaan bagi memastikan agar seluruh kakitangan dan pengguna luar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan maklumat yang berkesan.

Unit Dokumentasi dan Perpustakaan telah menggariskan beberapa panduan ke arah pembangunan perkhidmatan perpustakaan yang sistematik dan terancang. Ruang lingkup unit ini dianggap sebagai merangkumi aktiviti perolehan, penyusunan, pengurusan dan penyebaran bahan-bahan perpustakaan serta maklumat yang terkandung di dalamnya.

Unit ini juga berperanan sebagai pusat rujukan bagi sumber terbitan-terbitan dan maklumat kajian berkaitan aktiviti melombong, mineral n, laporan yang tidak diterbitkan, laporan agensi tempatan dan luar negara. Kemudahan juga disediakan untuk para penyelidik supaya dapat mengakses pelbagai sumber maklumat yang berkaitan kajian terdahulu. Khidmat pinjaman bahan rujukan samada koleksi perpustakaan jabatan sendiri atau dari luar diberikan kepada kakitangan dalaman sahaja. Selain dari itu unit ini membuat jualan bagi setiap laporan teknikal yang telah diterbitkan serta jualan peta-peta geologi dan mineral.

